

02 OCT 1998

Mohamed-Konspirasi

KONSPIRASI JATUHKAN PIMPINAN WUJUD LAMA DALAM UMNO, KATA MOHAMED

PULAU PINANG, 2 Okt (Bernama) -- Bekas Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata, konspirasi menjatuhkan pucuk pimpinan Umno telah lama wujud tetapi beliau bersyukur pakatan itu gagal berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Penerangan itu berkata, isu perebutan kuasa bukannya perkara baru dalam parti dan ia diketahui oleh anggota dan pemimpin parti itu sendiri.

Katanya, perebutan kuasa di dalam parti itu perlu dihentikan serta-merta jika anggota dan pemimpinnya mahu Umno kekal memerintah, diterima dan terus dihormati serta disokong perjuangannya oleh rakyat jelata.

Perebutan kuasa wujud dalam Umno sejak hampir 30 tahun lepas dan amalan itu diteruskan hinggalah ke zaman Presiden sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 28 kakitangan Kementerian Penerangan bagi zon utara di sini hari ini.

Sehubungan itu beliau menyeru anggota parti supaya kembali kepada asas perjuangan parti iaitu untuk membela rakyat, bangsa dan agama.

Mohamed berkata, beliau tidak perlu mendedahkan butiran mengenai konspirasi menjatuhkan Perdana Menteri kerana pakatan itu sudah hancur berikutan pemecatan Anwar.

"Anggota dan pemimpin parti tidak harus terkejut dan melatah dengan pendedahan saya mengenai konspirasi berkenaan serta amalan politik wang dalam parti dan saya meminta supaya mereka yang terbabit jangan berselindung atau berpura-pura tidak mengetahui perkara itu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata beliau akan menjelaskan perkara itu kepada Majlis Tertinggi sekiranya diminta berbuat demikian kerana beliau mahu menggunakan saluran parti untuk menyelesaikan perkara itu.

"Jadi saya rasa tidak perlu bagi saya membuat penjelasan sekarang kerana konspirasi ini telah gagal. Maka kes ini patut ditutup dan saya hanya meminta supaya semua insaf dan kembali menegakkan perjuangan parti," katanya ketika diminta mengulas pendedahannya bahawa terdapat pemimpin bahagian dibayar elaun bulanan antara RM5,000 dan RM10,000 untuk menjatuhkan Dr Mahathir.

Mohamed berkata, konspirasi yang telah dirancang itu, yang dikesannya semasa beliau menjadi Setiausaha Agung parti, adalah dalam pelbagai bentuk dan cara. Pada saat ini beliau belum lagi dapat menyebut mana-mana tokoh dan bahagian yang terlibat walaupun secara rambang beliau menyatakan bahawa 90 bahagian terlibat.

Katanya, ini baru "act one, scene one" dalam drama politik dan akan ada lagi beberapa babak selepas ini dan beliau akan mendedahkannya sekiranya dirasakan perlu.

Beliau berkata, pendedahan itu dibuat berikutan rasa tanggungjawab beliau sebagai anggota yang cintakan parti dan bersyukur konspirasi itu gagal kerana sekiranya ia berjaya sudah pasti parti akan hancur.

"Saya tahu bahawa pendedahan ini memberi risiko kepada saya tetapi saya sanggup dimusnahkan kerana saya cintakan parti," katanya.

-- BERNAMA

ZU NMO